

26 APR 2001

DR MAHATHIR TIBA DI DUBAI UNTUK LAWATAN

DUBAI, 26 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai disambut oleh Pengarah Penerangan Sheikh Hasha Almaktoum dan Duta Malaysia Datuk Syed Hussein Al Habshee.

Dr Mahathir diiringi 10 tokoh perniagaan Malaysia.

Antara atur cara beliau di sini ialah menyampaikan ucap utama pada persidangan mengenai peranan negara-negara Islam dalam menghadapi cabaran abad ke-21 anjuran Forum Antarabangsa Emiriyah.

Perdana Menteri juga akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Dubai Internet City (DIC), dan satu lagi, antara AirportXchange, sebuah syarikat Malaysia, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai dan DIC.

-- BERNAMA

HS ES MAI